

LAMPIRAN

DBP pelawa penerbit berminat

Oleh Selish Ani

DEWAN Bahasa dan Pustaka (DBP), menyambut baik seruan supaya usaha dilakukan bagi memindahkan karya klasik Melayu ke bentuk komik dan sedia bekerjasama dengan pihak yang berminat untuk menjayakannya.

Ketua Pengarah DBP, Datuk A Aziz Deraman, berkata penerbit yang berminat melakukan kerjasama bagi menjayakan projek itu perlu memastikan mereka mempunyai tenaga kepakaran dalam bidang ini.

"Mereka mestilah mempunyai ilustrator yang berkemampuan memindahkan teks klasik ke dialog komik tanpa menghilangkan isi dan nilai penting karya agung terbitan seperti latar tempat, masa, busana, budaya, masyarakat dan peradaban supaya tidak lari daripada karya asal," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta menepulas cadangan Pengarah Akademi Pengajian Melayu (APM), Universiti Malaya (UM), Prof Dr Norazli Selat, agar pengarang kreatif negara ini bekerjasama dengan pelukis komik bagi memindahkan karya sastera tradisional ke bentuk komik.

Aziz berkata, sebahagian besar daripada teks klasik agung Melayu seperti Sejarah Melayu dan Hikayat Hang Tuah masih berada dalam bentuk aslinya dan menentukan kerja transliterasi perlu membolehkan ilustrator muda meneroka teks tersebut.

"Ketidadaan tenaga transliterasi mencukupi kerana sebahagian besar teks masih dalam bentuk asal dan ilustrator yang memenuhi ciri berkenaan, menghaling DBP melaksanakan projek terbitan sekalipun pernah melihat kemungkinan melaksanakan uga tahun lalu," katanya.

Beliau berkata, DBP juga membuka pintu kepada pihak yang berminat untuk memin-

dahkan teks klasik Melayu ke bentuk multimedia kerana sedia usaha berkenaan akan dapat menarik generasi muda mendekati khazanah kekusasteraan Melayu dan menggalakkan mereka membaca.

"DBP sedia generasi muda tidak gemar membaca kerana gaya bahasa dan teknik persembahan karya klasik Melayu jauh berbeza daripada novel. Sudah pasti usaha mempromosikan khazanah sastera klasik Melayu ke bentuk baru dapat mengauti perkara tersebut," katanya.

Aziz berkata, DBP bersikap terbuka dan sentiasa membuka pintu rundingan bagi membolehkan orang luar turut sama dalam usaha memartabatkan bahasa dan sastera Malaysia yang selama ini dianggap menjadi tanggungjawab badan berkaitan itu sepenuhnya.

"Kebudayaan Karyakeri gerbang web penerbitan dalam talian yang diwujudkan secara usaha sama di antara DBP dengan Karya IGD Hitachi Corporation Sdn Bhd adalah bukti kami serius dalam hal memartabatkan bahasa dan sastera negara," katanya.

Justeru DBP ingin melihat lebih banyak lagi syarikat tempatan yang berganding bahu dengan badan berkaitan itu bagi menjayakan projek yang memabutkan hal kebahasaan, kekusasteraan, kebudayaan dan kesenian.

Aziz berkata, DBP sedia banyak perkara yang boleh diterokai dalam zaman teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) bagi memenuhi fungsi yang diamanahkan kepadanya tetapi tidak dapat dilaksanakan kerana kepakaran yang terbatas.

"Kita Bara boleh memindahkan lumina kereta dan kung fu ke bentuk permainan video sehingga mendapat tempat di hati remaja kita. Melayu tidak kita memindahkan seni silat Melayu secara demikian dengan tujuan mendekatkan mereka dengan khazanah warisan bangsa," katanya.



Mereka mestilah mempunyai ilustrator yang berkemampuan memindahkan teks klasik ke dialog komik tanpa menghilangkan isi dan nilai penting karya.

Era digital

DBP sediakan prasarana E-Pustaka

Oleh RAJMAH HASAN SHIRAT

DEWAN Bahasa dan Pustaka (DBP) kini mengorak langkah ke era digital dalam menyediakan prasarana E-Pustaka berstatus *online* untuk penerbitan dalam talian menerusi portal rasminya Karyanet.

Penerbitan dalam talian bermaksud semua proses penerbitan karya bermula peringkat pembinaan judul, penulisan, penyuntingan sehingga karya diterbitkan dan dijual dilaksanakan melalui Internet dalam portal berkenaan.

Menurut Ketua Unit Perhubungan Awam DBP, **Rossilawaty Sheriff**, E-Pustaka merupakan suatu konsep gedung maya yang membolehkan pengguna melihat semua senarai buku dan bahan rujukan lain ditawarkan.

"Dengan melayari gerbang web karya.net.com.my, pengguna diberi kebebasan sama ada melihat judul buku mengikut turutan abjad atau mengikut kategori," katanya kepada *Utusan Malaysia* baru-baru ini.

Portal Karyanet merupakan projek usaha sama antara DBP dengan Syarikat IGD Hitech Corporation Sdn Bhd, sebuah

syarikat yang berkecimpung dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi.

Karyanet merupakan portal bersifat pusat sehenti yang memberi tumpuan kepada aktiviti pembangunan komuniti dan pelaksanaan program dalam talian.

Sebagai E-Pustaka, empat prasarana lain yang disediakan menerusi portal Karyanet ialah E-Karyawan, E-Penasihat, E-Penerbitan dan E-Dagang. Rossilawaty memberitahu, E-Pustaka menyediakan bahan-bahan seperti e-buku, e-majalah, e-ensiklopedia, e-kamus, buku bercetak (p-buku) dan cd-rom.

Kata beliau, Karyanet juga menawarkan segala perkhidmatan yang berkaitan dengan penerbitan seperti perijinan dalam talian dengan penulis, penerbitan bahan dan edisi baru serta pemasaran sejagat.

"Antara terbitan Karyanet ialah buku dalam pelbagai bidang, majalah versi Internet, Ensiklopedia Versi Internet, Ensiklopedia Sains dan Teknologi, Kamus, Bahan Rujukan, Panduan/Pembelajaran, Laman Sastera dan Laman Kanak-kanak.

"Ruang untuk kegiatan sastera dan bahasa dalam talian juga disediakan termasuk bimbingan dan khidmat nasihat

penulisan kreatif," ujarnya.

Sementara itu, tambahnya, menerusi perkhidmatan percuma yang disediakan dalam E-Komuniti, pengguna juga boleh mendapatkan maklumat dan membeli buku serta bahan terbitan Karyanet yang lain.

"...nya, antara maklumat yang boleh diperoleh melalui perkhidmatan tersebut ialah senarai buku dan katalog; rujukan, berita dan carian dalam talian, pengumuman dan pameran serta rangkaian perpustakaan digital tempatan dan antarabangsa.

Projek nasional

Menceritakan latar belakang, beliau berkata, Karyanet merupakan projek nasional dibiayai sepenuhnya oleh Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan (NTTC) yang akan memberi tumpuan kepada pembinaan masyarakat berilmu.

"Ia akan menjadi suatu gerbang sejagat yang menyediakan bahan bacaan terutamanya dalam bahasa Melayu, boleh dicari-pai di mana-mana dan pada bila-bila masa sahaja," ujarnya.

Jelas Rossilawaty, Karyanet dengan matlamat menyediakan suatu rangkaian komuniti yang bersepadu dalam memper-



ROSSILAWATY SHERIFF

18 Januari 2003 Sabtu



Anwar Ridhwan

Peraduan Cereka, Puisi Sains KaryaNet

DEWAN Bahasa dan Pustaka (DBP) mempe-
lawa penuntut Malaysia menyertai Peraduan
Cereka dan Puisi Sains KaryaNet yang julung
kali diadakan bagi memperbanyakkan dan
memasyarakatkan karya sastera berunsur
sains dan teknologi.

Pengarah Jabatan Penerbitan, Datuk Dr
Anwar Ridhwan berkata, kategori A pera-
duan ini dikhususkan untuk berusia 15
hingga 17 tahun yang masih menuntut di
sekolah menengah kerajaan atau swasta.

"Kategori B dikhususkan untuk penuntut
berusia 18 tahun ke atas yang belajar di
tingkatan enam, prauniversiti, kolej atau
institusi pengajian tinggi di Malaysia," kata-
nya pada sidang akhbar di Kuala Lumpur,
baru-baru ini.

Sepuluh pemenang utama cereka sains
kategori A akan menerima wang tunai RM
1000 setiap satu, baucer buku RM 100, plak
dan sijil dan 20 pemenang puisi sains akan
menerima wang tunai RM 500 setiap satu,
wang tunai RM 500, baucer buku RM 100,
plak dan sijil penyertaan.

Sepuluh pemenang utama cereka sains
kategori B akan menerima wang tunai RM
2,000, baucer buku RM 100, plak dan sijil
penyertaan manakala 20 pemenang puisi
sains akan menerima wang tunai RM 1000,
baucer buku RM 100, plak dan sijil penyer-
taan.

Dr Anwar berkata, peraduan bertujuan
mencapai sasaran masyarakat celik tekno-
logi maklumat khususnya di kalangan pelaja-
r dan mempromosikan gerbang KaryaNet
yang dibangunkan DBP bersama Karya IGD
Hitech Corporation Sdn Bhd.

"Bermula dengan penghantaran karya,
bimbingan karya terpilih sehingga penerbi-
tan e-buku antologi cereka dan puisi sains
dijalankan dalam talian. Karya beserta bo-
rang penyertaan mestilah dihantar melalui
portal KaryaNet, www.karyanet.com.my dan
tarikh tutup penyertaan 30 April ini," kata-
nya.

Beliau berkata, pendekatan bimbingan di-
gunakan dalam peraduan ini kerana DBP
sedar bahawa tidak ramai yang boleh meng-
hasilkan karya sains dan teknologi dengan
baik berdasarkan kepada penyertaan pera-
duan sebelum ini.

"Pengalaman saya sebagai ahli panel da-
lam peraduan yang dianjurkan bersama Pla-
neterium Negara mendapati ramai peserta
yang tidak dapat mengolah fakta sains dan
teknologi dengan baik serta menunjukkan
kurang kefahaman mengenai sehingga men-
jejaskan mutu karya.

"DBP juga tidak lagi menggunakan pende-
katan pemenang satu, dua dan tiga kerana
sedar bahawa memilih beberapa karya ter-
baik adalah lebih berkesan memandangkan
tiada karya yang sempurna sehingga penga-
rang besar pun memerlukan editor," kata-
nya.

KaryaNet gedung bahan rujukan terbesar

Oleh Selihah Ani

KARYANET, gerbang web penerbitan dalam talian dihasilkan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) bersama IGD Iltis Tech Corporation Sdn Bhd (IGD Hitch) akan muncul sebagai portal terbesar di Malaysia apabila semua penerbit universiti bernaung di bawahnya.

Pengarah Jabatan Penerbitan DBP, Datuk Dr Anwar Ridhwan, berkata DBP sudah memikirkan kemungkinan terbit bagi membolehkan semua ilmu yang menjadi rujukan pelajar dan mahasiswa universiti di Malaysia dicapai dalam talian.

"Kami merancang 10,000 judul buku akan dapat dicapai dalam talian melalui gerbang web KaryaNet dalam tempoh lima tahun dan 1,000 judul sudah terdapat untuk dicapai pengembara melalui web terbitan penerbitan Mac ini," katanya pada sidang akhbar di Kuala Lumpur baru-baru ini. KaryaNet yang menggunakan

slogan penjana gelung digital ilmiah dan rujukan bahasa Melayu boleh diwarti menurut alamat www.karyanet.com.my memuatkan buku pengalihan tinggi, ilmiah, rujukan sekolah, informatif, kreatif dan kanak-kanak.

Tidak ketinggalan versi internet termasuk Dewan Budaya, Dewan Bahasa, Dewan Sastera, ensiklopedia versi internet, kamus dan bahan rujukan (jilidiah, glossari, daftar ejaan, koleksi video serta audio mengenai kegiatan budaya malapung sastera).

KaryaNet turut menyediakan panduan bahasa Melayu, bahasa Inggeris, tulisan jawi, Laman Sasera (forum, bimbingan penerbitan kreatif), Laman Bahasa (forum, khidmat nasihat bahasa) dan Laman Kanak-kanak (Tunas Harapan, peraduan, uji bakat, panduan kerjaya, cerita animasi, komik).

Mengenai kemungkinan KaryaNet gagal mengemaskini maklumat seperti yang terdapat kepada laman web dbp.gov.my, Dr Anwar memberi

jaminan bahawa perkara itu tidak akan berulang. "Perkara ini sudah dibincangkan dengan Unit Multimedia DBP dan kami memberi jaminan perkara itu tidak akan berlaku memandangkan DBP mempunyai pasukan pengusahasaa untuk KaryaNet dalam usaha memastikan segala maklumat untuk portal terbitan dikemaskini dari semasa ke semasa," katanya.


Dr Anwar berkata, DBP turut memnfaatkan KaryaNet bagi tujuan meningkatkan penghasilan cerek dan puisi sains melalui Peraduan Cereka dan Puisi Sains KaryaNet 2003 yang julung kali diadakan serta dibuka kepada pelajar dan mahasiswa Malaysia di seluruh negara.

"Sepuluh pemenang utama akan dipilih untuk cereka sains Kategori A dan B serta 20 pemenang puisi kedua-dua kategori. Penulis 10 cereka dan 20 puisi sains itu akan menerima bimbingan daripada mentor yang kami latih bagi memastikan karya benar-benar menunjukkan

kan kefahaman berhubung bidang pilihan," katanya. Maklumat mengenai Peraduan Cereka dan Puisi Sains KaryaNet 2003 boleh diperolehi dengan melayari Portal KaryaNet di alamat www.karyanet.com.my dan karya peritu sampai pada atau sebelum 30 April ini.

Menjawab pertanyaan mengenai kegiatan penerbitan DBP, Dr Anwar menjelaskan karya kreatif sains hanya mewakil lima peratus daripada keseluruhan buku terbitan badan berkanun terbitan dan 20 peratus daripada buku kreatif dengan jumlah penulisnya terdapat seperti Ahmad Patria dan Dr Ahmad Harun.

"Kami sememangnya mahu mempertingkatkan penerbitan karya kreatif berunsur sains dan teknologi melalui peraduan ini yang akan diadakan acara tahunan selain konsep pemilihan pemenang berdasarkan 10 karya terbaik (cerek sains) dan 20 karya terbaik (puisi) membantu ke arah ini," katanya.



Kami merancang 10,000 judul buku dapat dicapai melalui KaryaNet dalam lima tahun

Dr Anwar Ridhwan

KaryaNet anjur peraduan

SEIRING dengan perkembangan teknologi maklumat dan menyuburkan kesedaran dalam penulisan kreatif, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) mengambil inisiatif mengadakan *Peraduan Cereka dan Puisi Sains KaryaNet*.

Langkah ini wajar kerana penyebaran maklumat tidak terbatas semata-mata kepada media cetak, sebaliknya penggunaan teknologi komputer dan maklumat menjadikan sebarang sumber mudah diperolehi dan disebar.

Pengarah Jabatan Penerbitan DBP, Datuk Dr Anwar Ridhwan pada sidang akhbar pelancarannya di Kuala Lumpur baru-baru ini berkata, peraduan itu bertujuan menggalakkan teknologi dalam menghasilkan karya kreatif.

Sehubungan itu, DEP merasakan perlunya memberi penghargaan kepada penulis-penulis yang berusaha mengenengahkan kesedaran teknologi maklumat.

"Pertandingan ini juga bertujuan menggalakkan teknologi web untuk menghasilkan karya, mengaplikasikan konsep bimbingan secara siber melalui portal KaryaNet. Ia juga untuk membina dan mengembangkan bakat serta kreativiti karyawan dalam genre penulisan sains dan teknologi melalui portal KaryaNet," katanya.

Menurut beliau, melalui peraduan seumpama ini DBP berharap memupuk minat dan bakat penulisan terutamanya dalam penulisan cereka bersifat sains dan teknologi.

Pada masa yang sama karya sastera berunsur sains dan teknologi dapat diperbanyakan dalam masyarakat.

Peraduan tersebut dibahagikan kepada dua kategori iaitu Kategori A: Remaja untuk penuntut sekolah menengah berumur antara 15 - 17 tahun.

Bagi Kategori B: Dewasa dibuka kepada para penuntut berusia 18 tahun ke atas yang berada dalam tingkatan enam, pra universiti, kolej dan institusi pengajian tinggi.

Hadiah pertandingan tersebut dibahagikan kepada Cereka Sains yang menawarkan hadiah wang tunai RM1,000 (Kategori A) dan RM2,000 (Kategori B).

Sementara itu Puisi Sains pula menawarkan hadiah RM500 (Kategori A) dan RM1,000 (Kategori B).

Tarikh tutup penyertaan ialah pada 30 April 2003. Borang peraduan boleh didapati dengan melayari laman web www.karyanet.com.my

Cereka Sains

1.1 Kategori A (10 pemenang)

- Wang tunai RM1000.00
- Baucar buku bernilai RM100
- Plak
- Sijil penyertaan

1.2 Kategori B (10 pemenang)

- Wang Tunai RM2000.00
- Baucar Buku bernilai RM100
- Plak
- Sijil Penyertaan

Puisi Sains

2.1 Kategori A (20 pemenang)

- Wang Tunai RM500.00
- Baucar Buku bernilai RM100
- Plak
- Sijil Penyertaan

2.2 Kategori B (20 pemenang)

- Wang Tunai RM1000.00
- Baucar Buku bernilai RM100
- Plak
- Sijil Penyertaan

1. Peraduan ini terbuka kepada semua pelajar yang menuntut di Malaysia kecuali kakitangan dan keluarga Urus setia Peraduan.
2. Karya mestilah asli, ditulis dalam bahasa Melayu dan bukan karya terjemahan, saduran atau adaptasi.
3. Karya mestilah belum pernah menyertai sebarang peraduan atau disiarkan atau diterbitkan oleh mana-mana penerbitan.
4. Peserta boleh menyertai salah satu atau kedua-dua peraduan, cereka dan puisi sains. Peserta boleh menghantar maksimum **tiga** karya bagi setiap peraduan yang disertai. Walau bagaimanapun, hanya satu karya sahaja layak dipertandingkan untuk memenangi hadiah dalam setiap genre peraduan tersebut.
5. Karya berserta borang penyertaan yang lengkap mestilah dihantar melalui portal KaryaNet iaitu www.karyanet.com.my
6. Nama dan alamat penulis tidak dibenarkan tertera pada naskhah karya yang dihantar.
7. Urus setia tidak bertanggungjawab terhadap kehilangan atau kerosakan karya yang dihantar. Bukti penghantaran karya tidak boleh dijadikan bukti penerimaan. Urus setia akan memaklumkan penerimaan karya kepada peserta.
8. Setiap karya yang dihantar tidak akan dikembalikan.
9. Penyertaan yang tidak memenuhi atau melanggar syarat pertandingan tidak akan dipertimbangkan untuk dinilai oleh panel hakim.
10. Penulis yang karyanya terpilih akan diberikan bimbingan oleh panel pembimbing.
11. DBP berhak menyunting dan menerbitkan karya yang menang serta karya lain yang sesuai.
12. Semua urusan peraduan diselenggarakan melalui portal KaryaNet.
13. Keputusan panel hakim adalah muktamad.